- Jenama pengeluar : i) Jenama Individu ii) Jenama Keluarga iii) Jenama Kombinasi
- Antara ciri-ciri pemilihan jenama yang baik:
  - (i) Pendek dan ringkas
  - (ii) Mudah dikenali dan diingat
  - (iii) Senang disebut
  - (iv) Tidak mempunyai unsur negatif
  - (v) Bermakna
  - (vi) Disukai
  - (vii) Sesuai
- Jenis logo – i) Logo Huruf ii) Logo Simbol iii) Logo Kombinasi
- Antara ciri-ciri logo yang baik:
  - (i) Ringkas (ii) Unik (iii) Asli (iv) Mudah diingat (v) Bermakna (vi) Bertahan lama (vii) Kesesuaian produk dan pengguna (viii) Muka taip yang sesuai (ix) Tidak terlalu abstrak (x) Tiada unsur negatif
- Jenis-jenis slogan iaitu: (i) slogan bentuk (hard sell) (ii) slogan bentuk institusi (institutional slogan)
- Ciri-ciri slogan yang menarik iaitu: (i) Ringkas (ii) Bahasa yang mudah (iii) Senang difahami


**LATIHAN BAHAGIAN A**

1. Nyatakan **dua** jenis klasifikasi produk.

- i. ....
- ii. ....




[2 markah]

2. Namakan kategori produk pengguna mengikut klasifikasi produk yang diberi.



[3 markah]

3. Rajah 1 menunjukkan tiga jenis produk pengguna yang terdapat di pasaran.

		
X: Syampu Rambut	Y: Rak Kabinet	Z: Telefon

Rajah 1

a) Nyatakan kategori produk pengguna di atas.

- Produk X : .....
- Produk Y : .....
- Produk Z : .....

[3 markah]

b) Nyatakan kekerapan pembelian produk di atas dengan menulis X, Y dan Z di bawah.

- Tidak kerap : .....
- Kerap : .....
- Bermusim : .....





[3 markah]

4. Klasifikasikan produk keluaran industri dengan menulis pada ruangan jawapan yang disediakan.

Produk	Jenis produk Industri
i. Mesin	i. ....
ii. Wayar	ii. ....
iii. Skru	iii. ....
iv. Minyak kelapa sawit	iv. ....
v. Kamera pada telefon bimbit	v. ....

[5 markah]

5. Rajah 2 menunjukkan beberapa **Produk Industri**. Klasifikasikan produk tersebut.

PRODUK	JENIS
 Kayu balak	i) .....
 Kamera	ii) .....
 Bateri kereta	iii) .....
 'cashier machine'	iv) .....

Rajah 2



[4 markah]

6. Nyatakan jenis reka bentuk jenama berpandukan ciri jenama pada ruangan yang disediakan.

•menonjolkan orang perseorangan yang memelopori penemuan perdagangan itu	i. ....
•menggunakan simbol, reka bentuk atau pewarnaan atau reka bentuk huruf tersendiri	ii. ....
•telah dilindungi secara undang-undang •mempunyai simbol ®	iii. ....
•menggunakan perkataan, huruf (nombor), sekumpulan perkataan atau perkataan-perkataan (nombor-nombor) yang boleh disebut.	iv. ....

[4 markah]

7. Nyatakan jenis reka bentuk jenama bagi Rajah 3.

		<b>SAMSUNG</b>
(i) .....	(ii) .....	(iii) .....

Rajah 3

[3 markah]

8. Rajah 4 menunjukkan jenama satu produk.



Rajah 4

Nyatakan empat ciri jenama yang baik pada rajah itu.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....
- (iv) .....




[4 markah]

9. Nyatakan definisi logo dalam penjenamaan produk.

.....  
 .....




[2 markah]

10. Lengkapkan jenis kumpulan jenama produk itu yang bersesuaian dengan logo-logo dalam ruangan yang disediakan.

		
i. ....	ii. ....	iii. ....

[2 markah]


11. Rajah 5 menunjukkan jenis logo. Tuliskan jenis logo berdasarkan contoh logo pada ruangan jawapan yang disediakan.

Logo	Jenis logo
	i) .....
	ii) .....
	iii) .....

Rajah 5

[3 markah]

12. Rajah 6 menunjukkan jenis-jenis logo. Kelaskan logo-logo tersebut.



Rajah 6

[3 markah]

13. Nyatakan **tiga** ciri logo yang baik.

- i) .....
- ii) .....
- iii) .....

[3 markah]

14. Jadual 1 menunjukkan slogan produk. Tuliskan jenis bentuk slogan pada ruangan jawapan yang disediakan.

Slogan	Bentuk slogan
"menerajui masa depan"	i) .....
"Sungguh enak dimakan begitu saja"	ii) .....

Jadual 1

[2 markah]


15. Slogan produk penting kerana ia boleh meningkatkan jualan. Nyatakan **tiga** ciri slogan.

- i) .....
- ii) .....
- iii) .....

[3 markah]

**LATIHAN BAHAGIAN B**

1. Rajah 7 menunjukkan pengering rambut berjenama EZY DRYER hasil ciptaan seorang pereka.



Rajah 7

- a) Namakan **dua** jenis logo yang boleh digunakan untuk memperkenalkan produk itu.

- a. ....
- b. ....


[2 markah]

- b) Nyatakan **tiga** ciri yang perlu dipertimbangkan untuk mereka logo tersebut.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....


[3 markah]

- c) Lakarkan idea dari gabungan **dua** ciri di (b) untuk mereka logo produk itu di dalam ruang yang disediakan.



[5 markah]

2. Rajah 8 menunjukkan satu reka bentuk *hover board* yang baharu dihasilkan oleh sebuah syarikat.




Rajah 8

- a) Nyatakan **tiga** ciri yang perlu dipertimbangkan untuk mereka jenama syarikat pengeluar produk itu.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah]

- b) (i) Lakarkan jenama syarikat pengeluar produk itu hasil daripada gabungan **dua** idea di (a) pada ruang yang disediakan.



[5 markah]



(ii) Terangkan maksud jenama di (b)(i).

.....


.....

.....



.....

[2 markah]

3. Rajah 9(a) menunjukkan satu *headphone* yang bakal dipasarkan oleh sebuah syarikat menjual barangan muzik dalam Malaysia. Rajah 9(b) menunjukkan dua reka bentuk jenama.



Rajah 9(a)

Jenama x	Jenama Y
 <p data-bbox="468 1360 667 1411">KuMuzik</p>	

Rajah 9(b)

a) Tentukan jenama yang sesuai digunakan untuk mewakili *headphone* dalam rajah 9(a) dengan membandingkan kedua – dua jenama tersebut.

.....


.....

.....

.....



4. Rajah 10 menunjukkan beberapa jenis produk pengguna.



Rajah 10

a) Nyatakan kategori bagi produk-produk tersebut.

- (i) Produk P : .....
- (ii) Produk Q : .....
- (iii) Produk R : .....
- (iv) Produk S : .....

[4 markah]

b) Terangkan kategori produk pengguna dari aspek berikut:

- (i) Produk P : .....
- (ii) Produk Q : .....
- (iii) Produk R : .....
- (iv) Produk S : .....

[4 markah]

c) Pilih **satu** produk pengguna di Rajah 10. Lakarkan **satu** slogan 'hard-sell' bagi produk tersebut.

[4 markah]

d) Terangkan maksud slogan yang anda lakarkan di 3(c).

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

**BAB 6 : PEMASARAN PRODUK****Standard Pembelajaran :**

Murid dapat :

- ✓ Menerangkan objektif penentuan harga produk
- ✓ Menentukan kos pengeluaran bagi sesuatu produk
- ✓ Menentukan harga jualan produk berdasarkan peratus margin keuntungan dan harga jualan lebih tinggi daripada kos pembinaan (*mark-up price*)
- ✓ Menilai faktor pemilihan tempat pemasaran
- ✓ Menerangkan tujuan membuat promosi
- ✓ Menerangkan kaedah promosi
- ✓ Menghasilkan brosur secara grafik berdasarkan ciri-ciri brosur yang baik
- ✓ Menghasilkan manual pengguna berdasarkan produk yang dihasilkan

**Nota :**

- Kepentingan **penentuan harga produk**
  - (i) kemandirian untuk terus beroperasi
  - (ii) memaksimumkan keuntungan
  - (iii) menguasai syer pasaran
  - (iv) kualiti produk
  - (v) pulangan pelaburan
- **Penentuan Kos pengeluaran** bagi sesuatu produk

$$\text{Kos Pengeluaran} = \text{Kos Tetap} + \text{Kos Berubah}$$

$$\text{Kos Purata} = \frac{\text{Jumlah Kos Pengeluaran dalam Kuantiti Tertentu}}{\text{Kuantiti Produk}}$$

- **Penentuan harga jualan** produk berdasarkan :

- (i) Peratus margin keuntungan

$$\text{Harga Jualan} = \text{Kos Pengeluaran} + \text{Margin Keuntungan}$$

- (ii) Harga lebih tinggi daripada kos pengeluaran (*mark-up price*)

$$\text{Harga Jualan} = \text{Kos Pengeluaran Seunit} + \text{Keuntungan Seunit}$$

- **Tujuh Faktor Pemilihan Tempat**
  - (i) undang-undang yang melindungi perniagaan
  - (ii) potensi untuk berkembang
  - (iii) pesaing
  - (iv) jenis perniagaan
  - (v) golongan pengguna
  - (vi) modal
  - (vii) infrastruktur
  
- **Tujuan promosi**
  - (i) Meningkatkan jualan produk
  - (ii) Mengekalkan minat pengguna
  - (iii) Memberi maklumat yang tepat dan terperinci tentang produk
  - (iv) Memastikan produk sentiasa mendapat sambutan dalam pasaran
  - (v) Menarik perhatian pengguna mencuba atau membeli produk
  
- **Empat jenis kaedah promosi**
  - (i) pengiklanan
  - (ii) promosi jualan
  - (iii) publisiti
  - (iv) jualan langsung
  
- **Brosur** yang baik mengandungi
  - (i) Nama produk
  - (ii) Gambar produk
  - (iii) Harga
  - (iv) Logo dan slogan
  - (v) Maklumat pengeluaran
  - (vi) Spesifikasi produk
  - (vii) Penerangan produk
  
- Empat perkara yang perlu ada di dalam **Manual pengguna**
  - (i) Arahan pemasangan
  - (ii) Cara penggunaan
  - (iii) Penyelenggaraan produk
  - (iv) Tip keselamatan

**LATIHAN BAHAGIAN A**



1. Berikut adalah maklumat kos pengeluaran satu unit alat perangkap tikus.

• Kos upah	RM 10.00
• Kos bahan	RM 46.00
• Kos elektrik dan air	RM 7.00

Hitung kos pengeluaran bagi 100 unit alat tersebut.

[3 markah]

2. Namakan kaedah promosi bagi situasi berikut.

Situasi	Kaedah promosi
	i) .....
	ii) .....

[2 markah]

3. Berikut adalah maklumat bagi satu unit produk.

Kos Pengeluaran Seunit	RM 7.30
Margin Keuntungan	65%

Hitungkan harga jualan produk itu.

[3 markah]

4. Kos pengeluaran seunit produk = RM 80 .00  
 Margin keuntungan yang ditetapkan = 30%

Kirakan harga jualan produk seunit.

[2 markah]

5. Berikut adalah maklumat kos pengeluaran bagi satu unit produk yang akan dipasarkan.

Kos	Jumlah
Kos Bahan	RM 3.50
Kos Upah	RM 1.50
Kos Overhed	RM 1.00

Hitung peratus margin produk itu jika keuntungan ditetapkan sebanyak RM 3.00.

[4 markah]

6. Jadual 1 menunjukkan kos purata dan margin keuntungan bagi seunit trolis serbaguna.

KOS BAHAN	RM50.00
KOS UPAH	RM30.00
KOS ELEKTRIK DAN AIR	RM10.00

Jadual 1


- a) Hitungkan kos pengeluaran 20 unit trolis tersebut.

[2 markah]

- b) Hitungkan harga jualan seunit trolis jika margin keuntungan adalah 30%.

[3 markah]

7. Rajah 1 menunjukkan satu produk keluaran terbaru Syarikat Iman Sdn. Bhd.



Rajah 1




Nyatakan **tiga** kaedah promosi yang sesuai untuk memasarkan produk keluaran terbaru Syarikat Iman Sdn. Bhd.

- i) .....
- ii) .....
- iii) .....

[3 markah]



8. Nyatakan kaedah promosi yang ditunjukkan dalam gambarajah di bawah dalam ruangan jawapan yang disediakan

GAMBAR	KAEDAH PROMOSI
	<p>a) .....</p>
	<p>b) .....</p>
	<p>c) .....</p>


[3 markah]

9. Nyatakan kaedah promosi bagi aktiviti berikut.

Ciri	Kaedah Promosi
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan pelbagai media seperti surat khabar, majalah, radio, televisyen, papan elektronik, internet dan lain-lain</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Dijalankan secara langsung kepada pengguna melalui kempen jualan yang pendek melalui pameran, demonstrasi dan pemberian sampel</li> </ul>	

[2 markah]

10. Rajah 2 menunjukkan satu produk makanan yang hendak dipasarkan.



Rajah 2

Nyatakan **tiga** faktor pemilihan tempat pemasaran yang perlu difikirkan untuk memasarkan produk tersebut.

- i. ....
- ii. ....
- iii. ....

[2 markah]

#### LATIHAN BAHAGIAN B

1. Jadual 2 menunjukkan kos-kos yang terlibat dalam penghasilan 100 perangkap tikus keluaran Kawalpasti Sdn. Bhd.

Jenis Kos	Jumlah Kos
Aluminium	RM 400.00
Jaring besi kecil	RM200.00
Pemegang besi	RM 50.00
Engsel	RM 100.00
Sewa mesin	RM100.00
Upah pekerja	RM200.00
Sewa kedai	RM 350.00
Elektrik dan air	RM 100.00
Kos pengangkutan	RM 50.00

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2,

a) Nyatakan **dua** kos tetap.

i) .....

ii) .....

[2 markah]


b) Hitungkan kos pengeluaran dalam penghasilan seunit perangkap tikus.

[5 markah]

c) Kawalpasti Sdn Bhd menetapkan margin keuntungan sebanyak 30%.  
Hitung harga seunit perangkap tikus.

[3 markah]

2. Rajah 3 menunjukkan keterangan sebuah periuk nasi elektrik jenama ELBO yang hendak dipasarkan oleh Syarikat Letrikku Sdn. Bhd .



Rajah 3

(a) Cadangkan satu kaedah promosi yang sesuai untuk produk itu.

.....

[1 markah]


(b) Berdasarkan jawapan di 2(a), nyatakan **dua** kelebihan kaedah promosi produk itu.

(i) .....

(ii) .....


[2 markah]

(c) Berdasarkan Rajah 3, lakarkan satu kupon yang mengandungi maklumat promosi yang lengkap bagi meningkatkan jualan produk tersebut.



[7 markah]

3. Rajah 4 menunjukkan aktiviti mempromosi satu produk.



Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4,

(a) Nyatakan kaedah promosi itu.

.....

[1 markah]

(b) Terangkan **dua** kelebihan kaedah promosi di jawapan 3 (a).

(i) .....


.....

(ii) .....

.....

[4 markah]

(c) Lakar dan warnakan brosur untuk mempromosi produk itu.



[5 markah]

**BAB 7 : HARTA INTELEK****Standard Pembelajaran :**


Murid dapat :

- ✓ Menerangkan definisi harta intelek
- ✓ Menerangkan kepentingan harta intelek
- ✓ Menerangkan jenis harta intelek berikut:
  - i) Hak cipta
  - ii) Harta industri:
    - a) Paten
    - b) Cap dagangan
    - c) Reka bentuk industri
    - d) Petunjuk Geografi
    - e) Reka bentuk susun atur litar bersepadu
- ✓ Menghuraikan proses mendaftar harta intelek mengikut jenis produk
- ✓ Membuat justifikasi keperluan pendaftaran bagi sesuatu harta intelek
- ✓ Mengkaji isu-isu berkaitan kepentingan harta intelek

**Nota :**


- **Harta intelek** merujuk kepada harta yang lahir daripada kreativiti minda manusia seperti karya sastera dan seni ,reka cipta dan reka bentuk yang digunakan dalam perdagangan.
- **Kepentingan harta intelek** ialah memberi hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengawal dan mengeksplotasi harta intelek mereka
- **Hak cipta** ialah perlindungan yang diberikan kepada penulis, pemilik hak cipta dan pelaku tertakluk di bawah akta Hakcipta 1987. Karya-karya seperti karya seni, filem, karya sastera, karya muzik, siaran, rakaman bunyi dan karya terbitan.
- **Paten** ialah hak eksklusif yang dianugerahkan oleh kerajaan untuk sesuatu reka cipta baharu sama ada rekaan itu satu produk atau satu proses.
- **Cap dagangan** bermaksud cap yang digunakan atau dicadang untuk digunakan bagi tujuan menunjukkan hubungan antara barangan atau perkhidmatan dengan pemilik atau pengguna berdaftar cap dagangan tersebut dalam urusan perniagaan dan dilindungi Seksyen 3-Akta cap Dagangan 1976.
- **Cap dagangan** terdiri daripada perkataan, logo, gambar, nama, huruf,nombor atau kombinasi daripada unsur tersebut.
- **Reka bentuk industri** ialah ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa atau cara perindustrian dan dilindungi Seksyen 3- Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996.
- **Petunjuk Geografi** ialah tanda yang memberitahu para pengguna bahawa sesuatu barangan itu dihasilkan di sesuatu kawasan atau tempat tertentu. Barangan tersebut mempunyai ciri yang tersendiri dan berkait rapat dengan tempat pengeluaran atau geografinya.
- **Reka bentuk susun atur litar bersepadu** ialah susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu dan sebahagiannya atau semua hubungan litar tersebut.

PROSES MENDAFTAR HARTA INTELEK



**LATIHAN BAHAGIAN A**

1. Lengkapkan carta pengkelasan harta industri di bawah berdasarkan maklumat yang diberi.



Berikan **tiga** kategori harta industri dalam harta intelek.

- i) .....
- ii) .....
- iii) .....

[3 markah]

2. Jadual 1 menunjukkan pernyataan tentang Harta Intelek. Nyatakan jenis Harta Intelek itu dengan menulis **Hak Cipta** atau **Harta Industri** pada ruang yang disediakan.


Penyataan Harta Intelek	Jenis Harta Intelek
Hak eksklusif yang diberi kepada pemiliknya bagi satu tempoh.	
Tanda atau lambang untuk melabel barang atau perkhidmatan.	

Jadual 1

[2 markah]




3. Lengkapkan klasifikasi jenis harta intelek di Rajah 1.



Rajah 1

[3 markah]

4. Lengkapkan carta aliran prosedur permohonan paten mengikut urutan pada ruangan yang disediakan.



[3 markah]

5. Nyatakan jenis harta intelek berdasarkan takrifan berikut.

Takrifan	Jenis Harta Intelek
Apa-apa tanda label yang digunakan untuk mengaitkan sesuatu perniagaan, keluaran dan membezakan dengan keluaran lain.	
Ciri, bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui proses perindustrian.	

[2 markah]

6. Nyatakan jenis harta intelek berdasarkan takrifan berikut.

Takrifan	Jenis Harta Intelek
Hak eksklusif yang diberikan kepada suatu reka ciptaan sama ada produk baharu atau proses melakukan sesuatu yang baharu atau penyelesaian teknikal ke atas sesuatu masalah.	(i) .....
Apa-apa tanda atau label digunakan untuk membezakan perkhidmatan atau barang.	(ii) .....
Tanda yang digunakan bagi sesuatu produk yang mempunyai kualiti dan reputasi dengan kawasan berkenaan.	(iii) .....

[3 markah]

7. Klasifikasikan maklumat Hak Cipta dan Harta industri pada Jadual 2.


Pewartaan	Cap Dagangan	Rakaman Bunyi
Paten	Pencarian Novelti	Siaran

Jadual 2

Hak Cipta	Harta Industri
Rakaman bunyi	i) .....
ii) .....	Cap Dagangan

[2 markah]

8. Lengkapi carta alir bagi proses mendaftar harta intelek.



[2 markah]

9. Nyatakan pengertian hak cipta.

.....  
.....

[1 markah]

10. Berdasarkan senarai produk yang diberikan, tandakan ( / ) jenis harta industri yang betul.

a) Arca	
b) Telefon bimbit	
c) Litar bersepadu	
d) Cencaluk	
e) buku teks Reka cipta	

[3 markah]

11. Jadual 3 menunjukkan pernyataan tentang Harta Intelek. Nyatakan jenis Harta Intelek itu dengan menulis pada ruang yang disediakan.


Penyataan Harta Intelek	Jenis Harta Intelek
Hak eksklusif yang diberi kepada pemiliknya bagi satu tempoh.	(i) .....
Tanda atau lambang untuk melabel barang atau perkhidmatan.	(ii) .....
Bentuk, corak atau hiasan pada barang yang diberi perlindungan utiliti.	(iii) .....
Memberi perlindungan kepada karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman audio dan siaran.	(iv) .....

Jadual 3

[4 markah]

**LATIHAN BAHAGIAN B**

- a) Rajah 2 menunjukkan satu produk minuman botol yang telah dihasilkan oleh pengusaha IKS dengan jenamanya sendiri.



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2,

- a) nyatakan jenis hak perlindungan harta intelek yang boleh melindungi produk yang dihasilkan oleh pengusaha IKS tersebut?

.....  
[1 markah]

- b) Terangkan **dua** kepentingan hak perlindungan yang anda nyatakan di 1 (a).

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
[4 markah]

c) Pengusaha IKS ingin melindungi cap yang digunakan agar pengguna dapat mengenali dan membezakan produknya dengan produk pengusaha lain.

(i) Nyatakan **lima** prosedur permohonan yang perlu dipohon oleh pengusaha IKS tersebut untuk melindungi jenama dan logo produknya.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]


(ii) Pengusaha tersebut ingin membuat pengubahsuaian ciptaannya dari aspek reka bentuk botol air minuman agar lebih bernilai komersial.

(a) Nyatakan jenis perlindungan yang boleh dipohon terhadap pengubahsuaian ciptaannya.

.....

[1 markah]

(b) Cadangkan **satu** lakaran pengubahsuaian produk tersebut agar lebih bernilai komersial.



[4 markah]


**BAB 8 : PENDOKUMENTASIAN****Standard Pembelajaran :**

Murid dapat :

- ✓ Menerangkan kepentingan pendokumentasian dalam proses reka cipta.
- ✓ Menghasilkan dokumentasi reka ciptaan mengikut format yang ditetapkan.
- ✓ Menghasilkan persembahan/ reka ciptaan menggunakan pelbagai media.
- ✓ Mempersembahkan produk yang terbaik dalam bentuk secara berkesan dan kreatif.

**Nota :****KEPENTINGAN PENDOKUMENTASIAN**

- Menjadi bukti ciptaan seseorang pereka cipta
- Untuk menfailkan permohonan paten hasil ciptaan pereka cipta
- Memudahkan untuk membuat rujukan dan penyelidikan sekiranya ingin membuat inovasi serta R & D

**FORMAT PENDOKUMENTASIAN****FORMAT DOKUMENTASI****TaLaMa FuLaDe BroBiLa**

**KANDUNGAN DOKUMENTASI****1 Tajuk**

- Ringkas
- Jelas
- Tepat

**2 Latar Belakang Pernyataan masalah**

- Menyatakan senario dan masalah sehingga melahirkan idea.
- Perkara-perkara yang membantu menyelesaikan masalah yang dinyatakan perlu jelas.
- Nyatakan langkah-langkah kajian, pemerhatian, pengumpulan maklumat dan data.

**3 Matlamat dan Objektif**

- Objektif dan matlamat reka cipta hendaklah dinyatakan dengan jelas.

**4 Fungsi dan kegunaan**

- Mestilah dinyatakan dengan jelas dan terperinci.
- Termasuklah tentang kelebihan dan kekurangan reka cipta jika dibandingkan dengan produk sedia ada.

**5 Lakaran**

- Penjanaan idea
- Lakaran akhir

**6 Deskripsi Projek**

- Bahan dan komponen yang digunakan.
- Lukisan kerja dalam bentuk lukisan terbantu komputer.
- Langkah dan teknik pembuatan.
- Pengujian produk reka ciptaan.

**7 Brosur**

- Risalah yang menyatakan maklumat atau menerangkan sesuatu dengan ringkas, misalnya produk.

**8 Bibliografi**

- Senarai terbitan seperti buku, makalah, dan lain-lain yang digunakan sebagai rujukan sebagai rujukan dalam menghasilkan penulisan kajian.

**9 Lampiran**

- Maklumat-maklumat sokongan sama ada dalam bentuk data, gambar dan sebagainya yang berkaitan dengan pembangunan projek.

**FORMAT PENULISAN BIBLIOGRAFI****BUKU**

→ (Nama Penulis)(Tahun)(Judul)(Tempat terbit)(Nama Penerbit)

**ENSIKLOPEDIA DAN KAMUS**

→ (Judul Petikan)(Tahun)(Tempat diterbit)(Penerbit)

**MAJALAH DAN SURAT KHABAR**

→ (Nama Pengarang)(Tarikh)(Judul Rencana)(Nama Mjhlh)(M/S)

**LAMAN WEB**

→ (Nama Pengarang)(Tarikh)(Judul)(Tarikh Download)(URL)



**TUJUAN PERSEMBAHAN**

- Menyatakan matlamat dan objektif produk
- Menyatakan ciri-ciri sesuatu produk rekaan
- Menerangkan kaedah dan cara pembinaan produk
- Mendapatkan pelbagai komen membina
- Dapat memperbaiki kualiti produk

**KAEDAH PERSEMBAHAN**

- Teknologi Maklumat dan Komunikasi
  - ➔ Power point
  - ➔ Adobe Flash
- Bukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
  - ➔ Poster

**LATIHAN BAHAGIAN A**


1. Takrifkan maksud pendokumentasian.

.....  
.....  
[2 markah]

2. Nyatakan **tiga** kepentingan pendokumentasian dalam proses reka cipta.

(i) .....  
(ii) .....  
(iii) .....  
[3 markah]

3. Lengkapkan format dokumentasi berikut.



[3 markah]

4. Senaraikan kandungan yang terdapat di dalam deskripsi projek.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....


[3 markah]

5. Berdasarkan pernyataan pendokumentasian, nyatakan kandungan dokumentasi dengan menulis pada ruangan yang disediakan.

Penyataan	Kandungan dokumentasi
Menyatakan senario dan masalah sehingga melahirkan idea. Perkara yang membantu menyelesaikan masalah yang dinyatakan perlu jelas	i) .....
Bahan dan komponen yang digunakan. Lukisan kerja dalam bentuk lukisan terbantu komputer.	ii) .....
Maklumat sokongan sama ada dalam bentuk data, gambar dan sebagainya yang berkaitan dengan pembangunan projek	iii) .....

[3 markah]

6. Susunkan urutan penulisan bibliografi yang betul dalam ruang yang disediakan. Contoh jawapan nombor 1 dan 2 telah diberi.



[3 markah]

7. Tuliskan cara penulisan bibliografi buku mengikut format **APA** yang betul.


Buku : Pengenalan Tamadun Islam dalam Sains dan Teknologi  
 Penulis : Shahrir Mohd Zin  
 Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka  
 Tempat : Kuala Lumpur  
 Tahun : 1985

.....(1985). .....,  
 .....:

[4 markah]

**LATIHAN BAHAGIAN B**

Anda dikehendaki membuat persembahan reka ciptaan yang dihasilkan untuk melupuskan tin aluminium yang dinamakan sebagai 'Super Squeeze'. Alat ini berfungsi dengan menggunakan kaedah mengemek.



**Alat melupuskan tin aluminium ' Super Squeeze'**

Berdasarkan pernyataan dan rajah di atas,

a) Nyatakan **dua** kaedah persembahan yang boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat berkenaan hasil ciptaan anda.

- i) .....
- ii) .....


[2 markah]

b) Terangkan **satu** tujuan persembahan.


- .....
- .....

[2 markah]

c) Lakarkan persembahan produk reka ciptaan anda dalam bentuk **poster**.



[6 markah]



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



**MODUL  
INTERVENSI PEMBELAJARAN  
SPM 2021**

**SKEMA**

REKA CIPTA

**PERATURAN PEMARKAHAN MIP 2021  
REKA CIPTA**

**TINGKATAN 4**

**BAB 1 : PENGENALAN KEPADA REKA CIPTA**

**BAHAGIAN A**


No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
1.	- Berupaya mereka cipta sesuatu yang baharu atau berdaya cipta	1	1
2	- Kemampuan mencipta, berdaya kreatif atau kekreatifan	1	1
3	(i) <i>Kreativiti (telah diberi)</i> (ii) Inventif (iii) inovasi	1 1	2
4	(i) zaman revolusi industri (abad ke-18 dan abad ke-19) (ii) zaman prarevolusi industri (sebelum abad ke-18)	1 1	2
5	(i) zaman prarevolusi industri (ii) zaman revolusi industri kedua	1 1	2
6	A. Karl Benz B. Kapal terbang	1 1	2
7	Lokomotif Telefon Mesin tenun Jacquard	1 1 1	3
8	(i) Thomas Edison (ii) John Logie Baird	1 1	2
9	(i) Wilbur dan Orville Wright (ii) Charles Goodyear	1 1	2
10	(i) Abu al'iz ibn Isma'il ibn al-Razaz al-Jazari (ii) Gottlieb Daimler (iii) Robest Yong	1 1 1	3
11	(i) Tenaga tidak boleh diperbaharui (ii) Tenaga boleh diperbaharui	1 1	2
12	(i) James Dyson (ii) Steve Jobs	1 1	2
13	<i>Reka ciptaan Robest Yong</i> POLYCLONE instant rubber stamp machine @ MOBIHEAT portable water heater @ KAMIKAZE mosquito glue @ GET-me luggage detector @ STACT-on Magnetic Brush @ CARVER-up car mat @ ABL automatic brake lock @ FLUSH	1	

	n WASH water cistern @ GREEN WHIZZARD probiotic plant nutrients @ TIME-LOCK remote control @ POPaWARE disposable saucers @ LIDaBAG plastic bag covers @ TGFree laptop charger		
	<i>Reka ciptaan James Dyson</i> Dual Cyclone @ DC07 @ Dyson Airblade @ Dyson Air Multiplier @ Dyson Supersonic	1	2
14	(i) Dieter Rams (ii) James Dyson	1 1	2
15	(i) Kreatif (ii) Perseptif (iii) Empiritif	1 1 1	3
16	(i) Tidak putus asa (ii) inovatif	1 1	2
17	(i) kreatif (ii) empiritif (iii) perseptif	1 1 1	2
18	Menjaga alam sekitar Inovatif Tidak putus asa	1 1 1	3



**BAB 2 : ASAS REKA BENTUK DALAM REKA CIPTA**

**BAHAGIAN A**

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
1.	- prinsip visual yang menangkap perhatian pandangan atau menjadi titik fokus pandangan	1	1
2	(i) kesatuan (ii)imbangan (iii) penekanan	1 1 1	3
3	(i) kesatuan (ii) pergerakan (iii) penekanan	1 1 1	3
4	(i)imbangan jejari (ii)imbangan simetri (iii)imbangan bukan simetri	1 1 1	3
5	(i) Imbangan (ii) Kesatuan (iii) pergerakan	1 1 1	3
6	(i) garisan @ jalinan @ ruang (ii) kesatuan (iii)imbangan @ pergerakan	1 1 1	3
7	(i)imbangan simetri (ii)imbangan bukan simetri (iii)imbangan jejari	1 1 1	3
8	Rupa	1	1
9	(i) rentak teratur (ii) rentak mengalir (iii) rentak progresif	1 1 1	3
10		1 1 1	3
11	(i) rupa geometri (ii) rupa organik (iii) rupa geometri	1 1 1	3
12	Bentuk ilusi Bentuk konkrit	1 1	2

13	(i) kuboid (ii) kon (iii) piramid (iv) kubus # pilih 2 sahaja	1 1 1 1	2
14	(i) ruang positif (ii) ruang negatif	1 1	2
15	(i) garisan (ii) rupa organik (iii) jalinan	1 1 1	3
16	(i) warna sekunder (ii) warna tertier (iii) warna primer	1 1 1	3
17			
18	(i) ton separa gelap (ii) ton melengkung (iii) bayang-bayang	1 1 1	3
19	(i) 3 (ii) 1 (iii) 2	1 1 1	3
20	(i) rendering marker (ii) marker (iii) soft pastel (iv) pensel warna (v) pensel (vi) kertas # pilih 2 sahaja	1 1 1 1 1 1	2
21	(i) NT cutter (ii) Elipse template (iii) Lengkung Perancis	1 1 1	3
22	A : titik lenyap B : garisan ufuk	1 1	2
23	(i) Lukisan perspektif satu titik (ii) Lukisan perspektif tiga titik (iii) Lukisan perspektif dua titik	1 1 1	3
24	(i) diberi (ii) D (iii) A@C (iv) A@C	1 1 1 1	3
25	A : $\sqrt{\quad}$ B : $\sqrt{\quad}$ C :	1 1 1	3

**BAHAGIAN B**

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
1	a) Lakaran mempunyai <ul style="list-style-type: none"><li>• Bentuk objek</li><li>• Perspektif 1 titik</li><li>• Bentuk bayang</li><li>• Arah bayang</li><li>• Ton cahaya</li><li>• Warna</li></ul>	1 1 1 1 1 1	6
	b) Lukisan perspektif tiga titik Lukisan perspektif dua titik	1 1	2
	c) i) rendering marker @ marker @ soft pastel @ pensel warna @ pensel * mana-mana dua	1 1	2

**BAB 3 : FAKTOR PEMILIHAN REKA BENTUK DALAM REKA CIPTA****BAHAGIAN A**

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
1	i) Proses reka bentuk mengambil masa yang lama ii) Proses reka bentuk bermula dengan masalah dan penyelesaian iii) Reka bentuk penting untuk memenuhi kehendak pelanggan	1 1 1	3
2	i) Rupa bentuk ii) Mesra pengguna iii) kemasan iv) nilai estetik	1 1 1 1	4
3	i) keselamatan ii) kelestarian	1 1	2
4	i) ergonomik ii) nilai estetik iii) mesra pengguna	1 1 1	3
5	i) ergonomik ii) mesra pengguna iii) fungsi	1 1 1	3
6	i) kemasan ii) nilai kormesial iii) ergonomik	1 1 1	3
7	i) fungsi ii) rupa bentuk iii) mesra pengguna iv) ergonomik v) nilai estetik vi) nilai kormesial vii) keselamatan  *pilih mana-mana 3 jawapan yang sesuai	1 1 1	3
8	i) kos ii) fungsi	1 1	2
9	i) nilai estetik ii) kelestarian iii) ergonomik	1 1 1	3
10	i) ergonomik ii) bahan iii) fungsi	1 1 1	3

**BAHAGIAN B**

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
1	<p>a)</p> <p>(i) Estetika Rak pinggan B mempunyai warna biru dan perak menyebabkan <b>warnanya lebih menarik + menarik perhatian pengguna@memberi pilhan kepada pengguna</b> Manakala Rak pinggan A berwarna hitam jadi <b>warnanya tidak menarik + tidak menarik perhatian pengguna @ tidak memberi pilihan kepada pengguna.</b></p> <p>(ii) Mesra pengguna - Rak pinggan B terdapat <b>rak 2 tingkat + dapat meletakkan banyak pinggan mangkuk dan peralatan dapur</b> manakala Rak pinggan A <b>hanya setingkat + tidak dapat meletakkan banyak pinggan mangkuk dan peralatan dapur.</b></p> <p>- Rak pinggan B terdapat <b>pelbagai tempat meletakkan perkakasan mengikut kategori+ dapat menyusun dalam keadaan teratur@ kemas</b> manakala Rak pinggan A hanya mempunyai <b>ruang yang terhad + tidak dapat menyusun dalam keadaan teratur@ kemas</b></p> <p>(iii) Bahan Rak pinggan B dibuat daripada plastik dan besi tahan karat jadi <b>rak lebih kukuh @ kuat + tahan lebih lama</b> manakala Rak pinggan A dibuat daripada plastik jadi <b>rak mudah pecah + tidak tahan lebih lama</b></p> <p>Rak pinggan A dibuat daripada plastik jadi <b>rak lebih ringan + mudah dialih @ mudah dipindahkan</b> manakala Rak pinggan A dibuat daripada plastik dan besi tahan karat <b>ia lebih berat +sukar dipindahkan @dialihkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Jawapan boleh berat kepada A atau B (mana-mana salah satu) bergantung pada alasan .</b></li></ul>	1+1  1+1  1+1  1+1  1+1	4  4  4

	b) Rak pinggan B	1	1
	c) - Menambah penutup pada rak pinggan@ meninggikan penghadang sisi + mengelakkan pinggan terjatuh untuk lebih selamat.  - menambah getah pada tapak rak + rak lebih stabil dan tidak mudah terjatuh.  *mana-mana jawapan yang sesuai	1+1	2
2	a) <b>i) Mesra pengguna</b> - Berfungsi menggunakan kuasa bateri + mudah dikendalikan + kerja memotong rumput dapat dijalankan dengan mudah / cepat / sempurna - Berfungsi menggunakan kuasa bateri + tidak perlu membawa enjib yang berat + menjimatkan tenaga - Mempunyai batang boleh laras / boleh dilaraskan mengikut ketinggian pengguna + tidak perlu membongkok ketika menjalankan kerja + kerja pemotongan rumput lebih lancar  <b>ii) Keselamatan</b> - Mempunyai penutup bilah pemotong + serpihan rumput yang dipotong / batu tidak akan terpelanting terkenamata + mengelakkan kecederaan - Tidak mempunyai bucu tajam + tidak berbahaya + keselamatan terjamin / mengurangkan risiko kecederaan - Mempunyai pelaras kelajuan + kelajuan dpt diubah mengikut keperluan / permukaan tanah + dapat digunakan dengan selamat  <b>iii)Kesesuaian bahan</b> - Diperbuat drp bahan plastik dan aluminium yang ringan + mudah untuk dikendalikan + menjimatkan tenaga - Batang boleh laras diperbuat drpd aluminium yang tahan karat + tahan lebih lama + menjimatkan kos penyelenggaraan	1+1+1	3
	b) Lakaran penambahbaikan Label + informasi Kekemasan Lakaran 3D  Contoh penambahbaikan : - menambah getah pada pemegang - menambah jumlah bilah mata pemotong  * Sebarang penambahbaikan bagi menambah nilai mesra pengguna yang logik diterima	2 2 1 1	6

	<p>c)  <b>1 faktor + 1 kriteria + 1 alasan/kesan)</b>  - Getah dipasang pada pemegang + untuk menambah cengkaman pada tangan + produk lebih mudah untuk dikendalikan  - Bilah mata pemotong ditambah + menambahkan kecekapan mesin pemotong rumput + kerja pemotongan dapat dijalankan dgn lebih mudah / kerja memotong rumput lebih cepat</p>	<p>1+1+1  1+1+1</p>	<p>6</p>
--	--	-----------------------------	----------

**BAB 4 : PENGENAL PASTIAN MASALAH**

**BAHAGIAN A**

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
1	i) membuat temu janji dengan menetapkan tarikh, masa dan lokasi agar tidak mengganggu tugas responden	1	3
	ii) mengenal pasti dan menyediakan terlebih dahulu set soalan yang bersesuaian untuk ditanyakan kepada responden	1	
	iii) merekod butir temubual secara rakaman suara atau video mahupun secara bertulis	1	
2	a) mengenalpasti lokasi, tempat dan masa untuk membuat pemerhatian	1	2
	b) <i>diberi</i>	1	
	c) membuat rumusan laporan dapatan pemerhatian	1	
3	5	1	3
	2	1	
	4	1	
	1	1	
	3	1	
4	a) Adakah anda mengalami masalah air sungai yang berbau busuk?	1	2
	b) Adakah anda pernah mendapatkan rawatan akibat daripada pencemaran air?	1	
5	i) 2	1	2
	ii) 3	1	
	iii) 1	1	
6	i) temubual	1	3
	ii) pemerhatian	1	
	iii) pengalaman sendiri	1	
7	i) carta pai	1	3
	ii) graf	1	
	iii) jadual	1	
8	2	1	4
	5	1	
	1	1	
	4	1	
	3	1	



No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
9	i) rujukan media elektronik	1	3
	ii) pemerhatian	1	
	iii) soal selidik	1	
10	i) rujukan media cetak @elektronik	1	3
	ii) pemerhatian	1	
	iii) soal selidik @ temubual	1	

### BAHAGIAN B

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah														
1	a)Graf / Graf bar	1	1														
	b) i) Bilangan responden P = peratus responden P x jumlah responden $= 80/100 \times 30$ orang $= 24$ Orang	1	2														
		1															
	ii)Bilangan responden Q = peratus responden P x jumlah responden $= 20/100 \times 30$ orang $= 6$ Orang	1	2														
		1															
c) Contoh jadual pengumpulan data :																	
	<table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">MASALAH</th> <th colspan="2">BILANGAN RESPONDEN</th> </tr> <tr> <th>YA</th> <th>TIDAK</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tikus merosakkan peralatan plastik</td> <td>21</td> <td>9</td> </tr> <tr> <td>Bau bangkai tikus yang tidak menyenangkan</td> <td>24</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td>Najis tikus mengundang keadaan yang tidak selesa</td> <td>18</td> <td>12</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;"><u>Jadual Pengumpulan Data masalah Ancaman Tikus di Rumah Kediaman</u></p>	MASALAH	BILANGAN RESPONDEN		YA	TIDAK	Tikus merosakkan peralatan plastik	21	9	Bau bangkai tikus yang tidak menyenangkan	24	6	Najis tikus mengundang keadaan yang tidak selesa	18	12		
MASALAH	BILANGAN RESPONDEN																
	YA	TIDAK															
Tikus merosakkan peralatan plastik	21	9															
Bau bangkai tikus yang tidak menyenangkan	24	6															
Najis tikus mengundang keadaan yang tidak selesa	18	12															
	Membina jadual Tajuk jadual Data betul (masalah 1 + masalah 2 + masalah 3)	1 1 1+1+1	5														
2	a) $= \frac{21}{25} \times 100$	1	2														
	$= 84\%$	1															



	<p>d) Berdasarkan analisis huraian data, didapati <b>hampir semua / sebilangan besar / majority</b> responden menghadapi masalah <b>gangguan tikus</b> di rumah mereka.</p> <p>Mesti ada kata kunci yg diboldkan ( mana-mana yg sesuai ) dan tajuk masalah</p>		
--	--	--	--

**BAB 5 : PENYELIDIKAN DAN KAJIAN PRODUK**

**BAHAGIAN A**

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah
1	i) Menganalisis kekuatan dan kelemahan fungsi dan rupa bentuk /kaedah/prinsip/teori untuk setiap bahan rujukan atau produk sedia ada yang dipilih. ii) Mempersembahkan hasil analisis dalam bentuk jadual.	1 1	2
2	Takrifan i) Produk sedia ada – barangan yang digunakan untuk kegunaan pengeluaran barangan dan perkhidmatan lain yang mempunyai fungsi yang sama. ii) Bahan Rujukan – merujuk kepada produk sedia ada tetapi tidak menjalankan fungsi yang sama seperti alam semulajadi, iaitu daun , haiwan dan lain-lain lagi.	1+1 +11	4
3	i) bahan rujukan ii) Produk sedia ada	1 1	2
4	- Gambar dan nama produk - Kekuatan dan kelemahan rupa bentuk - Sumber maklumat diperoleh - Fungsi operasinya (Pilih mana-mana dua)	1 1 1 1	2
5	i) produk kajian ii) Kaedah kepenggunaan	1 1	2
6	<p><b>Kekuatan produk sedia ada</b></p> <p><b>Fungsi</b> - Dapat menyimpan pelbagai peralatan bengkel yang pelbagai saiz @ mempunyai dua bahagian @ ruangan menyimpan peralatan.</p> <p><b>Rupa bentuk</b> – mudah digunakan @ sesuai dengan fungsi penyimpanan peralatan bengkel.</p> <p><b>Kelemahan Produk sedia ada</b></p> <p><b>Fungsi</b> - Tiada penutup , peralatan mudah jatuh .@ peralatan tidak dapat diasingkan mengikut saiz @ tidak teratur cara penyimpanan.</p>	1 1 1	4

	<b>Rupa bentuk</b> – sukar untuk diangkat @ di bawa ke mana-mana jika kuantiti peralatan yang banyak.	1	
	i) <b>Mana-mana jawapan yang sesuai diterima.</b>		
7	i) Menyimpan makanan dalam kuantiti yang banyak. ii) Makanan dapat diasingkan @ tidak basi iii) Mudah diangkat @ dipindahkan @ tidak tumpah	1 1 1	3
8	i) Meletakkan getah pada pemegang ii) Menambah tali penghadang di hadapan iii) Penyandar boleh laras ketinggian  Mana-mana jawapan yang munasabah • Tidak boleh ubah fungsi dan rupa bentuk produk	1 1 1 1	3
9	(i) Meletakkan penutup mata pemutar skru agar lebih selamat  (ii) Meletakkan pemegang berputar secara automatic yang menggunakan bateri kerana mudah digunakan.  Mana-mana jawapan yang munasabah • Tidak boleh ubah fungsi dan rupa bentuk produk	1  1	2
10	Analisis kaedah penggunaan produk  Beg A – Menggunakan kaedah menarik untuk membawa beg / menggunakan roda memudahkan pergerakan  Beg B – Menggunakan kaedah membimbit / menggunakan tali pemegang beg	1+1  1+1	4

**BAHAGIAN B**

No Soalan	Jawapan	Markah	Jumlah Markah															
